

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 13 MAR 1994

MASA:

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar
Walillahilhamd

Syukur alhamdulillah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya sekali lagi umat Islam di negara ini selamat menjalankan ibadat puasa dengan sempurna dan menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan aman dan tenteram. Kita seharusnya banyak bersyukur kerana walaupun kita di Malaysia terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan agama, kita sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala di mana kita dapat hidup berharmoni, bersefahaman dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Inilah antara kelebihan kita yang kadangkala kita hanya menyedarinya setelah orang lain menyebut tentangnya atau setelah kita melihat sendiri perbalahan kaum yang dahsyat yang berlaku di negara-negara lain melalui kaca televisyen atau gambar-gambar dalam akhbar dan majalah. Tidak ada sebab kenapa umat Islam di negara ini tidak bersyukur memandangkan mereka tidak menghadapi sebarang masalah besar dalam mengerjakan ibadat puasa dan ibadat-ibadat lain. Kezaliman dan huru-hara yang terdapat di Bosnia-Herzegovina, Palestin dan Somalia tidak melanda negara kita, alhamdulillah.

2. Jika saya kerap mengulangi tema kesyukuran ini, sebabnya ialah kerana terdapat ramai yang kerap merungut mengenai masalah-masalah kecil yang terpaksa mereka hadapi dan lupa akan nikmat yang besar seperti kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara kita.

3. Sebahagian daripada kejayaan dan kemakmuran yang kita nikmati adalah hasil sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Walaupun demokrasi boleh menghasilkan sebuah kerajaan pilihan rakyat, tetapi ini tidak bermakna kerajaan pilihan rakyat ini tetap mampu mengurus dan mentadbir negara dengan jayanya. Banyak Kerajaan pilihan rakyat, termasuk di negara-negara maju, yang gagal mentadbir dengan cekap dan berkesan. Sebab itu banyak negara demokrasi mengalami kemerosotan ekonomi dan tidak stabil.

4. Kejayaan kita membangunkan negara sehingga mencapai kemajuan yang pesat, sedikit sebanyak, menimbulkan perasaan irihati di kalangan negara-negara maju di barat. Mereka khuatir akan kemungkinan kita juga menjadi maju seperti

beberapa buah negara Timur. Justeru itu, mereka mencari jalan dan berusaha untuk menghalang pembangunan negara kita.

5. Memandangkan bahawa satu daripada sebab kita membangun dengan pesat ialah produktiviti industri-industri kita tinggi, mereka cuba menghasut kaum pekerja kita supaya menuntut kenaikan gaji berlebihan dan kemudahan-kemudahan lain supaya kos kita meningkat. Jika tuntutan tidak dilayan atau tidak dipenuhi sepenuhnya, mereka menghasut supaya pekerja kita mengambil tindakan perusahaan. Mereka tahu bahawa jika kos pengeluaran kita meningkat maka kita tidak akan dapat bersaing dengan mereka.

6. Kita, sebagai negara membangun, tidak mempunyai modal atau teknologi atau pasaran tempatan atau kecekapan pengurusan yang tinggi. Yang ada pada kita hanyalah kos sara hidup yang rendah yang membolehkan upah kerja yang juga rendah. Jika negara maju berjaya menghasut pekerja-pekerja kita supaya menuntut upahan yang tinggi dengan mengadakan mogok dan sebagainya, maka kelebihan kita yang satu ini iaitu kos kita yang rendah berbanding dengan negara-negara maju akan turut hilang.

7. Inilah sebabnya yang mereka selalu mendesak supaya kita melonggarkan lagi dasar buruh kita sehingga kesatuan-kesatuan sekerja kita boleh bertindak liar seperti kesatuan mereka.

8. Kita bersimpati dengan kaum pekerja tetapi simpati ini perlu dilayan dengan bijak. Pekerja, tetap akan mendapat upahan yang meningkat apabila kemajuan negara meningkat. Hari ini pun upahan sudah meningkat kerana peluang kerja melebihi bilangan pekerja. Tindakan perusahaan tidak perlu. Sebaliknya tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab akan menjejaskan pelaburan, mengurangkan peluang kerja, menaikkan kos pengeluaran dan menghalang pembangunan. Akhirnya ramai yang akan menganggur dan negara menjadi miskin.

9. Negara-negara maju faham akan semua ini kerana inilah yang telah terjadi di negara mereka dan inilah yang menyebabkan kemerosotan ekonomi mereka. Sekarang di kebanyakan negara maju terdapat sepuluh peratus tenaga pekerja yang menganggur, sedangkan di Malaysia kurang daripada empat peratus yang tidak bekerja tetap. Jika mereka berjaya menghasut kesatuan sekerja kita, maka kitalah yang akan menganggur dan ekonomi kitalah yang akan merosot. Dengan itu mereka sekali lagi akan menguasai pasaran dunia.

10. Di masa yang sama, ramai daripada eksekutif kita terpengaruh dengan gaji yang tinggi yang dibayar oleh syarikat-syarikat negara maju. Kerana inginkan gaji yang tinggi dan pembayaran bonus, pengurus mengutamakan keuntungan jangka pendek tanpa mengambilkira masa depan syarikat. Akhirnya syarikat akan gagal bersaing di pasaran dunia.

11. Mereka tidak sahaja cuba menghasut pekerja kita dan mempengaruhi pengurus kita, tetapi mereka cuba mengenakan berbagai-bagai syarat berkenaan hak asasi manusia dan pemeliharaan alam sekitar hanya untuk menaikkan kos pengeluaran kita. Mereka juga cuba memboikot barangan kita jika kita tidak melayan tuntutan mereka seperti pemeliharaan alam sekitar.

12. Satu daripada kekuatan kita ialah kestabilan politik dan Kerajaan yang berwibawa. Justeru itu berbagai-bagai usaha dibuat oleh mereka untuk menggugat kestabilan kita. Jika mereka dapat mengurangkan kepercayaan rakyat kepada kepimpinan kerajaan, maka kewibawaan dan keberkesanan kerajaan akan terjejas.

13. Sebab itu mereka sering memburuk-burukkan Kerajaan Malaysia. Baru-baru ini mereka cuba memburukkan imej pemimpin-pemimpin kerajaan. Kononnya pemimpin-pemimpin kerajaan terlibat dengan rasuah. Dengan beraninya akhbar mereka membuat tuduhan secara terbuka.

14. Jika tuduhan ini tidak disangkal, rakyat Malaysia, bahkan orang asing, akan percaya bahawa tuduhan mereka adalah benar. Dengan itu kepercayaan rakyat kepada kerajaan akan luntur. Lebih daripada itu suara lantang Malaysia dalam arena antarabangsa akan terjejas.

15. Jika rakyat tidak percaya lagi kepada kepimpinan negara maka sokongan kepada kerajaan akan menjadi lemah. Dengan ini, bukan sahaja pembangunan negara akan terjejas, tetapi kestabilan politik juga akan berakhir. Kemungkinan Malaysia mengejar kemajuan juga akan turut hilang.

16. Demikianlah usaha mereka sehingga mereka sanggup mempertahankan siapa sahaja yang bermusuh dengan kerajaan ini. Walaupun mereka tidak bersimpati dengan perjuangan ekstremis Islam, mereka sanggup melapor bahawa Kerajaan Malaysia menindas parti politik Islam di Malaysia. Sebaliknya apabila parti politik Islam di sebuah negara Islam menang pilihanraya, mereka tidak sedikit pun mengecam perbuatan tidak menghormati pilihan rakyat.

17. Satu perkembangan yang rakyat harus ambil perhatian ialah pengaruh dan penguasaan media antarabangsa oleh sekumpulan kecil pemodal Barat. Media, terutama televisyen, mempunyai pengaruh yang amat kuat. Dengan penguasaannya oleh orang tertentu dari Barat, pemikiran, sikap dan budaya kita boleh dikuasai oleh mereka. Jika kita tidak berhati-hati kita mungkin akan dipengaruhi oleh mereka untuk membinasakan diri kita sendiri.

18. Apa yang telah dihuraikan di sini adalah hasil maklumat dan kajian yang teliti. Cabaran yang kita hadapi adalah benar. Penjajahan secara langsung sudah tamat. Tetapi sifat dan hasrat yang ada pada penjajah masih kekal. Jika ada sahaja peluang mereka akan menjajah semula.

19. Kita tidak menuntut apa-apa yang luar biasa. Kita hanya ingin berdiri sama tinggi dengan orang lain. Untuk ini kita harus sentiasa berhati-hati. Kita juga harus berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara kita secepat mungkin. Kita bukan menuntut kekayaan di dunia ini kerana nafsu. Kita menuntut kejayaan untuk mempertahankan maruah bangsa kita. Kita tidak rela dipandang rendah dan dihina oleh sesiapa.

20. Penghormatan tidak akan kita perolehi semata-mata kerana umat manusia perlu hormat-menghormati antara satu sama lain. Adalah menjadi naluri manusia memandang rendah dan menindas orang yang daif dan miskin.

21. Hakikat ini perlu difahami dan diakui terutama oleh umat Islam di Malaysia. Rata-rata kita lihat umat Islam ditindas dan dihina. Mereka mengalami nasib ini kerana mereka lemah dan miskin. Mereka bukan sahaja miskin daripada segi wang ringgit, tetapi juga daripada segi ilmu pengetahuan, kecekapan, teknologi dan kebijaksanaan mentadbir.

22. Sementara kita boleh mengecam ketidakadilan orang lain, kita tidak mungkin dapat menukar sikap dan tindakan mereka kerana kecaman kita. Sebaliknya jika kita sedar akan sifat-sifat yang melemahkan diri kita, kita boleh bertindak mengubahkannya. Inilah yang harus kita buat.

23. Kita baru sahaja melalui ujian berpuasa. Puasa melatih kita menghadapi cabaran dengan tabah hati. Kita bukan sahaja lebih sedar akan penderitaan kerana lapar, tetapi kebanggaan daripada kejayaan kita menguasai tekanan nafsu kita. Alangkah gembiranya orang yang berpuasa apabila ia berbuka puasa setiap hari dan apabila ia merayakan tamatnya sebulan berpuasa. Mereka yang tidak berpuasa tidak akan menikmati kepuasan berhari raya seperti mereka yang berpuasa.

24. Demikian jugalah dengan proses pembangunan negara. Hari ini kita bekerja keras dan menidakkan desakan nafsu kita. Insya-Allah akhirnya kita akan berjaya dan akan dihormati oleh dunia. Sedikit sebanyak akan tertebuslah maruah agama Islam dan bangsa kita, insya-Allah.

25. Dengan ingatan tulus ikhlas saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Muslimin dan Muslimat di seluruh negara. Buktikanlah kebesaran hati umat Islam dengan membuka rumah kita kepada kawan dan rakan daripada semua kaum dan agama. Mudah-mudahan kita akan mencapai kebahagiaan yang berkekalan kerana keperihatinan kita.

26. Saya juga mengucapkan Selamat Berhari Raya kepada pasukan-pasukan keselamatan kita yang bertugas di dalam dan di luar negara. Negara tidak akan lupa atas pengorbanan dan khidmat mereka.

27. Akhir kata, saya serta keluarga memohon maaf zahir dan batin atas apa jua kesilapan yang mungkin kami lakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar Walillahilhamd.

Bottom of Form 1